

31 DEC 2001

ATM-Afghanistan (Bergambar)

PASUKAN PERUBATAN ATM KE PAKISTAN BANTU PELARIAN AFGHANISTAN

SUBANG, 31 Dis (Bernama) -- Satu pasukan perubatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berlepas ke Pakistan hari ini bersama kira-kira 27,000 kilogram kelengkapan perubatan, makanan dan pakaian dalam misi membantu pelarian Afghanistan.

Pasukan itu yang diketuai Lt-Kol Dr Jaseemudin Abu Bakar dianggotai 53 pegawai dan anggota pangkat lain. Ini termasuk empat doktor, 20 anggota paramedik dan selebihnya ditugaskan menjaga hal ehwal keselamatan dan pentadbiran.

Mereka berlepas dengan dua pesawat pengangkut Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) jenis Hercules C-130 dari Pangkalan TUDM di sini menuju ke Quetta, Pakistan sebelum bertolak ke sebuah kem pelarian di Chaman di sempadan Pakistan-Afghanistan.

Turut mengucapkan selamat jalan kepada pasukan "Malmedtim" itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan kaum keluarga anggota pasukan berkenaan.

Najib dalam sidang media berkata penghantaran pasukan perubatan ATM itu merupakan idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merasakan ia akan memberi impak besar dalam menolong rakyat Afghanistan yang lari daripada peperangan di tanah air mereka.

Beliau berkata kedua-dua pesawat itu akan singgah di kepulauan Maldives dan Muscat, Oman dalam penerbangan selama 14 jam ke Quetta.

"Kita telah mendapat segala kebenaran dan pengesahan daripada kerajaan Pakistan yang menerima baik hasrat kita membantu pelarian Afghanistan itu," katanya.

Beliau berkata penghantaran pasukan berkenaan menelan kos RM5 juta dan ia dijangka berada selama dua bulan di Chaman yang kini mengalami cuaca sejuk.

Terdahulu, dalam ucapannya, Najib berkata kemelut yang melanda Afghanistan patut menjadi pengajaran kepada seluruh rakyat Malaysia tentang betapa pentingnya nilai keamanan demi kesejahteraan negara.

Menurutnya usaha memperkukuhkan politik, ekonomi dan ketenteraan tidak boleh dipandang ringan dalam usaha Malaysia menjadi sebuah negara Islam contoh.

Sementara itu, Dr Jaseemudin memberitahu pemberita bahawa empat doktor itu ialah pakar bius, pakar bedah, pakar sakit puan dan pakar rawatan umum.

Beliau berkata pasukan perubatan itu akan menyediakan dewan bedah yang mampu membuat dua pembedahan besar dan lima pembedahan kecil sehari selain kemudahan x-ray, makmal dan sebuah wad dengan kemampuan 12 katil.

Dr Jaseemudin, yang memperolehi kelulusan daripada sebuah pusat pengajian tinggi di Pakistan dan mampu berbahasa Urdu, berkata beliau difahamkan terdapat kira-kira 45,000 pelarian di Chaman dan cuaca sejuk yang melanda boleh mencecah 10 darjah di bawah paras beku.

Ditanya tentang perasaannya kerana mengetuai misi yang diilhamkan oleh Dr Mahathir itu, beliau berkata: "Saya berasa bangga dan gembira kerana dipilih untuk misi ini. Saya akan membuat yang terbaik. Malaysia Boleh."

-- BERNAMA
MAM AKT NAK